


2 pengecas DC 50kW Gentari kini beroperasi di Mid Valley Megamall dan The Gardens Mall

OLEH Hanif Azrai 11:18 pm 18/08/2024 Komen



Pengunjung pusat beli-belah Mid Valley Megamall dan The Gardens Mall kini ada pilihan baharu untuk mengecas EV mereka. Operator titik mengecas (CPO) **Gentari** mengumumkan mereka telahpun mengaktifkan dua stesen pengecas DC, masing-masing satu di bahagian Mid Valley Megamall dan satu lagi di The Gardens Mall.



Stesen pengecas DC yang baru diaktifkan Gentari ini adalah daripada model ABB Terra 54 yang memiliki output setinggi 50kW DC. Walaupun unit ini mempunyai nozel AC Type-2, CCS2, dan CHAdeMO, nozel AC Type-2 tidak diaktifkan dan pengecas ini hanya menyokong pengecasan DC sahaja. Tak banyak pengecas sekarang mempunyai kepala CHAdeMO dan ia satu berita baik buat pengguna EV Jepun daripada generasi awal seperti Nissan Leaf.

Stesen EV DC di The Gardens Mall boleh anda temukan di Zone B, Level P1 (Tiang B30A) berhampiran dengan Isetan. Kadar mengecas yang ditetapkan adalah RM1.50/kWh.

Stesen EV DC di Mid Valley Megamall mengenakan kadar RM1.50/kWh. Anda boleh temukan pengecas ini di Zone A, Level P1 (Tiang A13).

Langgan Gentari Go untuk kadar mengecas 50% lebih rendah

Untuk menikmati kadar bayaran 50% lebih rendah, Gentari turut menyediakan pelan langganan tahunan Gentari Go Power Pass berharga RM899.

Dengan pas ini, anda menikmati kadar mengecas RM0.75/kWh di kedua-dua pengecas tadi dan di semua pengecas EV kendalian Gentari di seluruh negara.

Bukan itu sahaja, ia juga melayakkan anda untuk menuntut potonga cukai pendapatan tahunan dan anda beroleh akses kepada Gentari Go AutoCharge apabila dilancarkan kelak.

Alternatif pengecas EV di Mid Valley Megamall dan The Gardens Mall

Selain pengecas DC, pelawat Mid Valley Megamall dan The Gardens Mall juga ada beberapa pilihan lain untuk mengecas EV mereka sekiranya kedua-dua stesen DC ini sedang digunakan.

Terdapat pengecas AC sedang beroperasi di Level P2 Tiang A43 kendalian Gentari x JomCharge di Mid Valley Megamall ataupun di Level P2 (Tiang B60a) di The Gardens Mall.

Perlu anda kethau juga, tempat letak kereta premium di Level 4 The Gardens Mall turut menyediakan 6 pengecas AC 22kW untuk digunakan.

Sekiranya semua ini masih penuh, bangunan berhampiran pusat beli belah ini iaitu Menara Southpoint di Level B1 Tiang 13 turut ada 3 pengecas AC 11kW untuk digunakan.